

SOALAN NO: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]
TARIKH : 25 JULAI 2017
SOALAN : 67**

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik jumlah premis yang dikenakan tindakan penguatkuasaan dalam operasi 'serbu premis tawar terapi ozon' dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan semua perkhidmatan rawatan dan perubatan berkenaan ditawarkan oleh salun kecantikan dan pengamal perubatan mendaftar dan mendapat kelayakan lesen daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, buat masa sekarang tiada premis yang dikenakan tindakan penguatkuasaan memandangkan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan sedang menjalankan pemantauan bagi mendapatkan maklumat lanjut sama ada premis-premis tersebut masih beroperasi ataupun tidak. Kementerian Kesihatan akan terus memantau aktiviti terapi ozon secara berterusan.

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan telah memanggil dua pembekal utama mesin terapi ozon bagi memaklumkan dan menerangkan mengenai keperluan pendaftaran peranti perubatan dan prlesenan establismen seperti yang di peruntukkan di dalam Seksyen 5 dan 15 Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).